**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CHAN WA**
**UJIAN BULANAN JULAI 2015**
**PENDIDIKAN MORAL**
**TINGKATAN 2 – 1 JAM**

**NAMA : …………………………………..** **TINGKATAN 2: …………………**

**<u>BAHAGIAN A</u>**

**Soalan 1 : <u>Lengkapkan peta minda berikut dengan nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri.</u>** **(10 Markah)**




**Soalan 2 : <u>Tandakan ( √ ) pada situasi yang betul dan ( X ) pada situasi yang salah.</u> (10 markah)**

1. Kita harus melaporkan kes penderaan kepada pihak polis dengan segera.
2. Encik Ali tidak pernah mengambil berat tentang kebajikan anak buahnya.
3. Individu yang bercita – cita tinggi seharusnya memendamkan cita – cita itu.

4. Seseorang yang berdikari akan melakukan sesuatu tugas dengan cara menunjuk – nunjuk.

5. Orang yang mengakui kesalahan diri lebih mementingkan kebenaran dan kejujuran.

6. Jenice terburu – buru semasa menjawab soalan peperiksaan.

7. Jaya diri membawa makna memupuk dan mengembangkan potensi yang ada pada diri sendiri untuk berjaya.

8. Orang yang yakin pada diri sendiri percaya akan kebolehan mereka dalam melakukan sesuatu perkara.

9. Orang yang bertoleransi ialah orang yang tidak mengikut perasaan dan dapat mengawal kemarahannya.

10. Sebagai seorang pelajar, David tahu membahagikan masanya antara masa untuk belajar dan berehat.

**BAHAGIAN B**

**Soalan 1: Lengkapkan perkataan – perkataan berikut dengan mengisi tempat kosong dalam ayat – ayat yang berikutnya.** **(10 Markah)**

1. Undang – undang dan peraturan perlu diadakan untuk menegakkan ……………………

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| K | | A | | I | | A |

2. Peranan kasih sayang harus lahir daripada hati yang ………………. tanpa paksaan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

3. Orang yang adil dapat membuat……………………………… yang sewajarnya dalam apa – apa jua keadaan.

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | |

4. Seseorang yang sayang akan ……………………………. tidak akan sama sekali mencederakan diri sendiri.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Y | | W | |

5. Ibubapa harus memberikan ……………………..yang sama rata kepada anak – anak.

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |

6. Majikan yang adil tidak akan bersikap ……………………. terhadap pekerja – pekerjanya.

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | |

7. Dewasa ini, kes …………………. kanak - kanak semakin menjadi – jadi dalam kalangan masyarakat.

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | E | | D | | R | | A | |

8. Ketagihan dadah boleh membawa ………………….

| | | | |
|---|---|---|---|
| | A | | T |

9. Untuk menegakkan keadilan, kita perlu berpegang kepada ……………………

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| K | | | E | | A | | | N |

10. Nyawa adalah sesuatu yang amat ………………………….

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | E | | H | | R | | A |

**Soalan 2 :** **<u>Pilih nilai yang patut diamalkan berdasarkan situasi – situasi berikut.</u>**

**(10 markah)**

| | |
|---|---|
| Kasih sayang terhadap keluarga | Hormat dan taat kepada anggota keluarga |
| Peka terhadap isu – isu alam sekitar | Kemapanan alam sekitar |
| Mengekalkan tradisi kekeluargaan | Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar |
| Menyayangi dan menghargai alam sekitar | |

1. Adik Amin menghidap penyakit *sindrom Down*.
   Nilai : …………………………………………………………………………………………
2. Ying sering bercakap kasar dengan ibu bapanya yang sudah tua.
   Nilai :………………………………………………………………………………………….
3. Raju tidak lagi mempercayai adat dan amalan nenek moyangnya kerana katanya zaman telah berubah.
   Nilai : …………………………………………………………………………………………..
4. Pak Harun membakar sampah sarap setiap kali selepas membersihkan kebun buah – buahannya. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pencemaran udara.
   Nilai : ………………………………………………………………………………………..
5. Setelah melaukan aktiviti perkhemahan di kawasan air terjun, Ali dan rakan – rakannya telah mengumpul sampah dan membersihkan kawasan tersebut.
   Nilai : ………………………………………………………………………………………..
6. Pak Abu sedang menebang pokok di kawasan hutan simpan kerajaan.
   Nilai : ………………………………………………………………………………………..
7. Mak Minah suka membuang sampah ke dalam parit. Hal ini menyebabkan parit tersumbat, air tidak dapat mengalir dengan sempurna, dan menyebabkan bau yang amat busuk.
   Nilai : …………………………………………………………………………………………
8. Setelah 4 tahun Ah Ming belajar di luar Negara, sikapnya telah berubah. Dia tidak lagi pandai menggunakan penyepit kayu ketika makan, bercakap kurang sopan dengan ibu bapanya, dan cara hidupnya sudah terikut – ikut oleh budaya barat.
   Nilai : …………………………………………………………………………………………
9. Muthu dan keluarganya sangat miskin. Muthu hendak berhenti sekolah kerana ingin membantu ayahnya mencari nafkah. Tetapi, ayahnya membantah dan mahu Muthu terus belajar sehingga ke menara gading. Baginya, pendidikan amat penting.
   Nilai : …………………………………………………………………………………………..
10. Abang razak bekerja sebagai pemandu lori manakala Razak bekerja sebagai akauntan. Oleh itu, Razak memandang rendah akan abangnya dan selalu menghina beliau.
    Nilai: …………………………………………………………………………………………..

**Soalan 3 :** **<u>Tuliskan  seni kata lagu "Negaraku" dengan betul.</u>** **(5 markah)**

Negaraku,

…………………………………………………………………….,

…………………………………….,

…………………………………………………………………….,

…………………………………….,

………………………………………………….,

…………………………..,

………………………………………………….,

…………………………………….,

………………………………………………….,

…………………………..,

…………………………………………………

**Soalan 4 :** **<u>Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.</u>** **(5  markah)**



1. Majikan perlu memberi …………………….. yang sama rata kepada setiap pekerja tanpa mengira jantina.
2. Majikan juga harus menghormati wanita terutama yang berkelayakan dan berkebolehan untuk dinaikkan ………………………. atau gaji.
3. Pekerja wanita boleh membuat laporan atau aduan sekiranya terdapat ……………………….. di tempat kerja.
4. Majikan yang prihatin akan memberi ……………………… kepada pekerja wanita yang mengandung.
5. Wanita juga berhak mendapat perlindungan daripada ……………………. atau diskriminasi oleh pihak – pihak tertentu.

Disediakan oleh,

……………………………,

(Pn. Jeya Sundari A/P Karpayah)

Disemak Oleh,

………………………….,

(Pn. Lee Chwee Chee)
Ketua Bidang Kemanusiaan
SMJK Chan Wa.